



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 4

RABU 23HB JANUARI, 1980.

رابو 5 ربيع الاول 1400

PERCHUMA

DYMM BERANGKAT PULANG KA-TANAH AYER



BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan rombongan telah selamat berangkat pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin lepas sa-telah mengadakan lawatan rasmi ka-republik Singapura sa-lama lima hari mulai hari Khamis, 17hb Januari yang lalu.

Turut berangkat mengalu2kan keberangkatan pulang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah serta kerabat2 Diraja yang lain.

Turut juga mengalu2kan keberangkatan Baginda ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang

Haji Abdul Aziz serta lain2 pegawai kanan kerajaan.

Menyertai Baginda dalam lawatan itu termasuk-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul-Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah; dan Penasehat Umom Baginda, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa.

Akhar2 republik itu melaporkan bahawa lawatan rasmi Baginda itu ada-lah atas undangan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Singapura, Awang Lee Kuan Yew. Rombongan Baginda itu ada-lah mengandungi sepuluh orang pembesar negara dan pegawai2 kanan Baginda dan 16 orang pemain polo pasukan Baginda.

Baginda telah di-sambut dengan hamparan permaidani merah di-Lapangan Terbang Paya Lebar sa-baik2 saja penerbangan khas Diraja Brunei yang membawa Baginda dan rombongan itu mendarat di-lapangan terbang yang sentiasa sebak itu.

Perdana Menteri Singapura, Awang Lee Kuan Yew yang mengemudai pembesar2 republik itu mengalu2kan keberangkatan Baginda dan mengiringkan Baginda memeriksa satu perbarisan khas di-Lapangan Terbang tersebut kerana lawatan rasmi Baginda itu.

Di-sepanjang lawatan ka-republik itu, Baginda Yang Dipertuan menghadiri beberapa majlis mengalu2kan Baginda dan mengadakan kunjungan

muhibbah ka-atas Presiden Sheares.

Baginda dan rombongan juga telah melawat Angkatan Udara Republik Singapura dan berangkat menghadiri jamuan negara yang di-adakan oleh Perdana Menteri, Awang Lee Kuan Yew.

Baginda Yang Dipertuan dan rombongan itu telah mengadakan beberapa siri perlawanan polo dengan pasukan2 di-republik itu.

Pada hari Ahad lepas, Baginda Yang Dipertuan dan Perdana Menteri Awang Lee Kuan Yew telah mengadakan perbincangan dan pada hari Isnin, rombongan Baginda berangkat pulang ka-tanah ayer.

1,902 orang lulus pereksa BJCE/SRPB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,275 dari 2,111 orang calon dari 18 buah sekolah menengah di-seluruh negeri telah lulus peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education yang telah di-adakan pada tahun lalu. Peratus lulus ada-lah bersamaan dengan 60.40 peratus.

Dari jumlah tersebut, sa-ramai 660 orang calon mendapat Bahagian I, 592 orang mendapat Bahagian II dan 23 orang mendapat Bahagian III.

Sementara itu dari sa-ramai 472 orang calon Kelas Dewasa dan persendirian hanya 73 orang calon sahaja yang lulus. Peratus kelulusan ada-lah bersamaan dengan 15.47.

Dari jumlah yang lulus sa-ramai 7 orang calon mendapat Bahagian I; 53 orang mendapat Bahagian II dan 13 orang calon mendapat Bahagian III.

Dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei pula, sa-ramai 507 orang calon dari sembilan buah sekolah menengah di-seluruh negeri telah lulus peperiksaan tersebut. Jumlah calon yang mengambil peperiksaan tersebut ia-lah sa-ramai 644 orang dan peratus kelulusan ada-lah bersamaan dengan 78.73 peratus.

Dari jumlah yang lulus itu sa-ramai 23 orang calon mendapat Bahagian I; 202 orang calon mendapat Bahagian II dan 282 orang mendapat Bahagian III.

Hanya 47 orang calon Kelas Dewasa dan persendirian dari 158 orang calon sahaja yang lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei ia-itu bersamaan dengan 29.75 peratus. Lima orang calon mendapat Bahagian II dan yang lain-nya mendapat Bahagian III.

SM Ugama Raja Isteri Anak Damit chapai 100% kelulusan dalam peperiksaan SRPB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit telah mengatasi lapangan buah sekolah di-negeri ini dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei yang telah di-adakan pada tahun lalu dengan mendapat 100 peratus kelulusan. Dari 44 orang calon yang menduduki peperiksaan tersebut sa-ramai lima orang telah mendapat Bahagian I, 32 orang mendapat Bahagian II dan tujuh orang Bahagian III.

Sekolah Menengah Arab Hassanul Bolkiah yang telah mendapat 100 peratus kelulusan pada tahun lalu, menduduki tempat ketiga dengan 97.14 peratus kelulusan. Sa-ramai 35 orang yang menduduki peperiksaan tersebut hanya sa-orang sahaja yang gagal. Tujuh orang calon mendapat Bahagian I, 24 orang mendapat Bahagian II dan tiga orang mendapat Bahagian III.

Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria menduduki tempat kedua dengan 97.22 peratus kelulusan. Dari 36 orang calon yang di-kemukakan oleh

Lihat muka 20

Manis-nya Iman

BURAI DAH r.a. meriwayatkan: Ada-lah Rasulullah s.a.w. apabila masuk ka-pasar Baginda berdo'a: "Bismillah, Ya Allah! Ku pohonkan kebajikan pasar ini dan kebajikan isi-nya. Aku berlindung kepada Mu daripada kejahatan-hya serta kejahatan isi-nya. Ya Allah! Aku berlindung kepada Mu daripada di-timpa sumpah yang palsu atau jual beli yang merugikan." — Hadith Nabi di-petik oleh Al-Hakim.

MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAH
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

23HB JANUARI, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KEPUTUSAN SRPB MAKIN BAIK

PADA keluaran Pelita Brunei hari ini, ada di-siarkan keputusan2 peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei (aliran Inggeris dan Melayu): Kita ucapkan tahniah kepada penuntut yang berjaya dan kepada penuntut yang kurang bernasib baik di-harap akan menchuba lagi pada tahun 1980 ini, kerana kejayaan atau kegagalan itu sudah-lah di-takdirkan — tinggal lagi usaha kita dalam menchapai kejayaan itu patut-lah di-teruskan. Dan sudah menjadi lumrah alam bahawa pehak yang memperolehi kejayaan dalam satu2 perkara itu tentu-lah akan berasa sukachita dan di-sebalek-nya yang gagal akan berdukachita. Bagaimana pun pehak yang berjaya itu jangan-lah pula RAGAP hati dengan kejayaan yang baru di-lalui itu, kerana ada banyak lagi tangga atau liku2 yang mereka akan lalui. Untuk itu segala usaha pada mempertahankan kejayaan itu hendak-lah di-lipat-gandakan bagi kejayaan seterusnya buat masa yang akan datang. Kepada yang kurang bernasib baik, jangan-lah pula lekas putus asa, hendak-nya chuba dan chuba lagi hingga berjaya — kerana alam penentuan kejayaan itu bukan hanya sa-takat memperoleh kejayaan dalam peperiksaan SRPB sahaja.

Suatu hal yang membanggakan kita dalam peperiksaan SRPB tahun 1979 yang lalu ia-lah keputusan peratus yang lulus hitung panjang ada-lah semakin baik berbanding dengan tahun 1978 yang di-chapai oleh penuntut2 itu. Mithal-nya: Aliran Melayu, jumlah peratus lulus 1978 ia-lah 65.52 peratus berbanding dengan 78.73 peratus pada tahun 1979; peratus gagal 1978 ia-lah 34.48 peratus berbanding dalam tahun 1979 21.27 peratus. Aliran Inggeris, (termasuk Sekolah Misi dan China) jumlah peratus lulus tahun 1978 ia-lah 45.59 peratus berbanding dengan tahun 1979 ia-lah 60.40 peratus; peratus gagal 1978 ia-lah 54.41 peratus, berbanding dalam tahun 1979 39.60 peratus. Di-sini juga menampakkan peratus yang gagal dalam keputusan SRPB tahun 1979 yang lalu ada-lah semakin kecil bilangannya. Ini menunjukkan suatu kemajuan telah dapat di-chapai sedikit demi sedikit dalam perkara ini.

Keputusan SRPB yang maseh menyedehkan selama ini ia-lah terhadap chalon pensendirian. Mithal-nya: Aliran Melayu yang lulus pada tahun 1978, 34.78 peratus — gagal 65.22 peratus berbanding dalam tahun 1979: Lulus 29.75 peratus — gagal 70.25 peratus. Aliran Inggeris yang lulus pada tahun 1978, 20.85 peratus — gagal 79.15 peratus berbanding dalam tahun 1979: Lulus 15.47 peratus — gagal 84.53 peratus.

Perbedaan yang nampak kepada kita hasil dari keputusan2 yang telah di-chapai oleh penuntut2 aliran Melayu dan Inggeris dan lebih2 lagi chalon2 pensendirian itu, yang penting bagaimana chara-nya untuk kita, terutama penuntut2, pehak sekolah dan Jabatan Pelajaran pada mengatasi dan memperbaiki lagi penuntut2 yang gagal atau terchichir (walau pun sedikit bilangannya) yang akan mendatangkan masaalah sosial yang perlu kita selesaikan yang setentu-nya memerlukan jumlah tenaga serta perhatian yang bukan kepalang dari kita semua.

Dan kesalahan dalam perkara ini tidak-lah pula kita letakkan kepada satu2 pehak, malah tidak perlu kita bangkitkan, tetapi sa-bagai ingat-mengingat, kita perlu-lah mengambil suatu iktibar yang bermunafaat dari beberapa chontoh atas kejayaan2 yang telah di-chapai oleh chalon2 yang telah berjaya. Mudah2an pada peperiksaan SRPB bagi tahun ini dan tahun2 berikutnya, bilangan yang gagal akan bertambah sedikit demi memperbaiki kelulusan tersebut ka-taraf yang lebih membanggakan dan hendak-nya akan dapat membuka jalan baru ka-arrah menyediakan jumlah penuntut2 atau chalon2 lebih berjaya di-bidang pelajaran buat masa2 yang akan datang. Tahniah kepada yang berjaya dan kepada yang kurang bernasib baik, di-harap akan dapat menchuba lagi hingga berjaya.

PADA HEMAT SAYA.....

“JIKA ADA ORANG MELIHAT...”

MUNGKIN pernah kita merasa malas hendak berbuat sa-suatu, terutama-nya waktu bersendirian.

Pernah pula kita membuat sa-suatu ala-kadar saja, terutama apabila kita mengalami tegoran atau chelaan.

Kita seperti merasa tidak mendapat dorongan bahkan terasa tidak di-hargakan.

Soal-nya: dorongan apa yang tiada itu? Dan mengapa mesti tegoran atau chelaan menjadikan kita kurang minat bagi melakukan kerja dengan sa-penoh-nya?

KESIMPULAN

Tentu ada di-antara kita yang chuba menchari jawaban. Mungkin sa-telah mengakas-ngakas ada yang berkesimpulan: “Ah! Perkerja biasa. Siapa2 pun mudah bersikap malas atau berleghah2 apabila tidak siapa melihat-nya, dan mudah pula tawar hati apabila satu2 kerja-nya di-tegor atau di-chela.”

Betul. Ramai orang akan mengatakan itu perkara biasa. Tapi sa-takat itu belumlah lagi mendedah atau menyingkapkan rahsia mengapa sikap sa-demikian itu ‘mudah’ timbul dikalangan kita.

Kedudukan-nya ia-lah: kita malas apabila tidak dilihat orang. Erti-nya kalau di-depan orang baru-lah kita akan rajin. Dan kita tawar hati apabila kita di-tegor atau di-chela. Erti-nya kalau di-sanjung puji baru-lah ‘terangkat’ semangat bekerja sa-penoh-nya.

Bukan-kah itu macham ada rahsia-nya?

MITHALAN

Kita ambil mithalan-nya...

Dalam bekerja mungkin pernah kita bermalas2 dan berleghah2 malah juga menchuri2 masa apabila kita tidak di-mata-matai orang, terutama orang yang kita galati (dan selalu-nya kita takuti!). Sa-balek-nya apabila orang itu ada, dan kalau pun tidak sa-benar-nya memata-matai kita tapi chukop dengan ‘ada-nya’ saja, maka kita pun rajin.

Begitu-lah juga: apabila satu2 kerja kita di-tegor (apa lagi kalau di-chela) lalu lemah-lah semangat dan tawar-lah hati untuk sa-terus-nya berkerja bersungguh2 memenohi (atau juga melebeh2 sedikit dari kadar) tugas. Sa-balek-nya apabila kerja kita itu (apa lagi kalau diri kita) di-sanjung lalu ‘kembang’ dan baru-lah bersungguh2 sa-penoh daya tenaga menjalankan tugas tanpa mengira masa.

Maka dalam kedua2 keadaan itu yang jelas ia-lah: untuk rajin dan untuk bersungguh2 kita sa-olah2 mahukan ‘dorongan’. Pada mithalan yang pertama itu dorongan yang kita mahu ia-lah ‘ada orang melihat’.

Sementara pada mithalan yang kedua ia-lah ‘ada orang memuji’.

HAL LAIN

Itu dalam hal bekerja. Keadaan-nya pun begitu dalam hal2 lain seperti dalam hal beragama mithal-nya. Kita juga mungkin malas ka-masjid atau malas ka-majlis2 keugamaan kalau tidak ada ‘orang yang (selalu-nya yang di-segani) akan melihat’. Dan kita mungkin tawar hati lantas tidak bersemangat untuk memberi sumbangan (apa saja) dalam memajukan agama kalau tidak ada ‘orang yang (lebih2 lagi kalau yang di-segani) akan memuji’.

Lalu malas-lah kita untuk beribadat dan berkebajikan, atau pun kita mengatakan: “Sama jua inda ada siapa2 kan melihat,” dan “sama jua inda ada siapa2 kan memuji”!

Tapi yang semakin jelas ia-lah: dalam keadaan2 itu kita maseh menckankan perlu-nya ‘ada orang melihat’ dan ‘ada orang memuji’.

Maka sa-takat di-sini timbul-lah soalan: untuk apa orang melihat dan orang memuji jika kita tahu sa-suatu yang akan kita lakukan atau kerjakan itu ia-lah kewajiban dan tanggung-jawab kita?

Tentu jawaban-nya ia-lah: untuk dapat ganjaran yang sa-patut-nya!

JIKA KERANA ORANG

Betul. Itu memang boleh

‘sa-patut’-nya di-dapatkan jika kita berfikir kewajiban atau tanggung-jawab yang akan kita lakukan itu kerana ‘orang yang melihat’ dan kerana ‘orang yang memuji’.

Erti-nya: tidak kerana tujuan yang tinggi dan murni. Jelas-nya, tidak dengan ikhlas. Atau pun boleh jadi juga dengan ikhlas tetapi semata2 kerana ‘orang’. Jika begitu maka erti-nya bukan kerana Allah.

Dan sa-benar-nya-lah begitu. Malas berbuat sa-suatu apabila tiada ada orang melihat; tawar hati dan lemah semangat apabila di-tegor atau di-chela — puncha-nya ia-lah kita mengasaskan sa-suatu untuk ‘dilihat’ dan ‘di-puji’. Apabila asas itu goyang atau roboh maka ‘rempeh’ pula-lah kemahuan memenohkan tugas atau kewajiban, sama ada semuanya atau sa-bahagian-nya.

Memang sikap sa-demikian itu tidak lebih dari perkara biasa kalau ada yang mengangap-nya sa-bagai suatu yang lumrah dan tidak perlu lagi difikir2kan sangat.

Tapi tentu tidak semua kita beranggapan begitu. Atau kalau pun kita mengakui sikap memerlukan ‘ada orang melihat’ dan ‘ada orang memuji’ itu sa-bagai sudah lumrah tentu pula kita merasakan ia tidak patut ‘di-perniagakan’ salaris2-nya. Sekurang2-nya perlu-lah di-ingatkan kepada orang ramai supaya berhati2 sa-belum ‘membeli’-nya.

Atau: jika dapat di-anggap sikap sa-demikian itu suatu penyakit mengapa pula mithal-nya kita keberatan untuk mengubati-nya, kalau pun tidak berjaya menchegeh-nya?

Kerana itu munasabah pula orang ramai di-ingatkan akan ada-nya penyakit itu untuk masing2 kalau perlu berubat sendiri atau mengambil satu2 langkah mengelak jangkitan-nya.

“...bahaya shirik tidak sedikit pun akan menjejaskan kewibawaan Allah s.w.t., se-balek-nya akan ‘menghampakan’ orang yang shirik itu sendiri manakala segala amal-nya tertolak. Tapi jika kita ‘ria’ dalam maana menunjok2 diri ‘di-mata’ dan ‘di-hati’ orang maka ‘sa-siapa2’ dan ‘apa2’ termasuk-lah juga diri kita tentu akan ‘rapan-rapan’ apabila sampai waktu-nya ‘sa-siapa’ dan ‘apa2’ itu benar2 memerlukan budi bichara kita!”

THEMA MAULUD

Maka pada hemat saya, ka-ta2 dalam tema sambutan Maulud tahun ini. “MENG-HAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN” tentu sa-bahagian-nya dapat di-pergunakan sa-baik2-nya dalam mengkempenkan bahaya sikap memerlukan ‘ada orang melihat’ dan ‘ada orang memuji’ itu.

Tentu antara-nya orang ramai akan di-beritahu nama penyakit sa-demikian itu dengan tepat, ia-itu penyakit malas apabila tidak di-lihat orang; tawar hati apabila di-tegor atau di-chela. Dengan itu mungkin sekali gus dapat di-dedahkan pula rahsia-nya sa-kira2 orang ramai tidak terkeliru dan salah mengambil ubat-nya.

Sa-takat ini saya mengetahui nama penyakit itu rupa-nya ia-lah sa-bahagian daripada apa yang di-gelar RIA (Ria). Dan ‘ria’ itu sa-bahagian daripada bentuk shirik!

Jika shirik (menyekutukan Allah) kita tahu bahaya-nya, maka bayangkan-lah pula bahaya ‘ria’ itu, tidak saja di-hari kandiila tapi juga di-dunia yang fana ini.

Yang pasti ia-lah bahaya shirik tidak sedikit pun akan menjejaskan kewibawaan Allah s.w.t., sa-balek-nya akan ‘menghampakan’ orang yang shirik itu sendiri manakala segala amal-nya tertolak. Tapi jika kita ‘ria’ dalam maana menunjok2 diri ‘di-mata’ dan ‘di-hati’ orang maka ‘sa-siapa2’ dan ‘apa2’ termasuk-lah juga diri kita tentu akan ‘rapan-rapan’ apabila sampai waktu-nya ‘sa-siapa2’ dan ‘apa2’ itu benar2 memerlukan budi bichara kita! — Ketua Pegawai Penerangan.



Menghayati Islam Dengan Penoh Keikhlasan

Sambutan Maulud Nabi Muhammad S.A.W. 1400/1980



HARI RABU
30HB. JANUARI, 1980 MASEHI
BERSAMA'AN
12HB. RABIELAWAL, 1400 HIJRAH

BRUNEI IN RIGHT DIRECTION TOWARDS INDEPENDENCE

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Britain's minister
of state at the Foreign and
Commonwealth Office Mr
Peter Blaker had spoken
optimistically about Brunei's
future.

Mr Blaker said in a television
interview before his
departure last week that
Brunei was moving in the
right direction as it approaches
full independence in 1984.

There is also a provision
for British assistance in the
setting up of a diplomatic
service for Brunei and a
British official has already
in the state beginning work
on this, said Mr Blaker.

On security, the British
minister said the Gurkha
Battalion would remain in
Seria until 1984 and reaffirmed
the terms of a treaty
between Brunei and Britain
under which Britain would
come to the aid of Brunei
in the event of an external
threat.

However, he added, that
during his travels throughout
Southeast Asia he had
witnessed nothing but goodwill
towards Brunei from its
neighbours who wanted
closer and friendly relations
with the state.

Therefore he saw no external
threat to Brunei from its
neighbours.

Mr Blaker added that
Brunei's relations with its
neighbours, particularly the
ASEAN nations, was one
of the main topics of his
discussions with His Highness
the Sultan dan Yang
Dipertuan.

Mr Blaker accompanied

Arts and poster exhibition

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — A poster exhibition
as part of the celebrations
to mark the Moslem
New Year of 1400 Hijrah
was held at the Dewan
Bahasa dan Pustaka here last
week.

The posters are the works
of students from Primary
and Secondary schools as
well as colleges throughout
the state.

It was officially opened
by the Assistant Brunei-
Muara District Officer, Pengiran
Omar bin Pengiran
Sabtu.

Meanwhile the works of
more than eighty students
during an arts competition
for primary schools in the
Belait district were also on
display at the Jalan Penglima
Padang.

It was officially opened
by the Belait Education
Officer, Pengiran Haji Besar
bin Pengiran Haji Ahmad.

The competition was
sponsored by the district's
Lions Club to mark the
International Year of the
Child.

by the Deputy Under Secretary
of State in the
Foreign and Commonwealth
Office, Mr Cortazzi
was here for a two-day
visit.

On the first day of his
visit Mr Peter Blaker had
an audience with His Highness
the Sultan at the Istana
Darul Hana.

Among those present at
the occasion were the British
High Commissioner, the
Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Begawan Sultan
Sir Muda Omar Ali
Saifuddin Sa'adul Khairi
Waddin, the Yang Teramat
Mulia Paduka Seri Duli
Pengiran Perdana Wazir
Sahibol Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Muhammed
Bolkiah, the Yang Teramat
Berhormat General Adviser to
His Highness the Sultan Pehin
Orang Kaya Setia Bakti Diraja
Dato Laila Utama Awang
Isa, the Menteri Besar Yang
Amat Mulia Pengiran Dipa
Negara Laila Diraja Pengiran
Abdul Momin bin Pengiran
Haji Ismail, the State Secretary
Yang Berhormat Pehin
Orang Kaya Laila Wijaya
Dato Seri Setia Awang Hj
Abdul Aziz, the Attorney
General Yang Amat Mulia
Pengiran Laila Kanun Diraja
Pengiran Bahrin bin
Pengiran Haji Abbas and
the State Financial Officer

by the Deputy Under Secretary
of State in the
Foreign and Commonwealth
Office, Mr Cortazzi
was here for a two-day
visit.

163 thousand dollars for tuberculosis victims

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — The government has
allocated one hundred and sixty-
three thousand dollars to be
used to assist victims of tuberculosis
in the state this year.

It was disclosed at a meeting
of the State Tuberculosis Aid
Committee held at the Chest
Clinic here.

The meeting which was chaired
by the Director of Welfare,
Youth and Sports Department,
Pehin Jawatan Luar Pekerna
Raja Dato Setia Awang Haji
Hussein also discussed the
distribution of aid to patients
in the Temburong district.

It was also aimed at re-
electing the committee members
which are made up of
Pehin Hussein as the chairman
and Awang Haji Abd Rahman
bin Abd Razak as the Secretary.

The committee members are
Yang Amat Mulia Pengiran
Laila Perkasa Pengiran Haji
Mohd Said bin Pengiran
Jaya Negara Pengiran Haji
Abu Bakar, Yang Berhormat
Datu Temenggong Dato Seri
Paduka Awang Lim Cheng
Choo, Yang Berhormat Haji
Awang Abd Latif bin Awang
Abd Hamid, Dr A.S. Sinnatambay,
Awang John Puk and
Awang Adinin bin Pehin DPM
Dato Laila Utama Awang Haji
Ibrahim.

Pehin Orang Kaya Khazana
Negara Laila Diraja
Awang John Lee.

Among the places of interest
visited by Mr Blaker were the
Sultan Omar Ali Saifuddin
Mosque, the Churchill Memorial,
the Legislative Council
Assembly Hall and Kampong
Ayer.

He and his party also visited
the Brunei Shell Petroleum
Complex in Seria.

They left for Bangkok on
Tuesday and was expected to
head talks in Thailand among
twelve British Ambassadors to
Asian Capitals which would
discuss the Afghan crisis and
the Indo China refugee problem.

He was seen off at the airport
by among others the British
High Commissioner Mr
Arthur Watson.



Mr. Blaker signing the visitor's book at the Sultan Omar Ali Saifuddin Mosque. Looking on is the Brunei-Muara District Kathi, Awang Haji Metussin bin Timbang.

NEW FIVE-YEAR PLAN AIMED AT DEVELOPING FURTHER ALL FACETS OF GOVERNMENT ACTIVITIES

THE shortage of Government
housing persists despite
efforts to alleviate this
problem. More land has been
cleared for housing in all districts
and a number of contracts for
both flats and houses have been
awarded recently. The ownership
of houses by junior officers is being
encouraged and steps to this end are
under consideration.

Phase II of the foundation
work for the new hospital at
Kiulap was completed and the
Superstructure contracts for the
Ward Block Group and Nursing
Group were awarded. The former
is scheduled to be completed by
1981 and the latter by late 1980. In
view of an escalation in the construction
cost, the number of additional
facilities required and changes in
architectural design, an increase in
the scheme value is necessary and
this has been provided for in the
next Development Plan. As a result
the State will have a modern functional
hospital which should adequately meet
requirements for many years.

The provision of the new
hospital at Kiulap has not been
made at the expense of rural clinics.
In addition to eight rural clinics
completed earlier, four more are
under construction and should be
completed shortly.

Stage II of the Sungai Tutong
water supply scheme has been
completed bringing the capacity for
the Brunei/Muara and Tutong
Districts from 6.5 million to 16
million gallons per day. Meanwhile
progress has been made in the
extension of Stage II of the Sungai
Belait scheme which will be completed
under the next Plan. The consumption
of water per head of population is
very high but

there is still an increasing demand
for domestic, industrial and
agriculture use. A preliminary
Water Resources Study which was
carried out in 1979 will be followed
up by intensive investigation of
additional potential sources of supply.

In the private sector, noticeable
progress was achieved during the
year in the McFarm cattle breeding
project at Kg Tungku. Grass lands
have been planted and about 320
heifers and bulls have been imported
from Australia.

Pilot ponds for experimental
purposes are under construction
as part of the Prawn Farm Project
at Temburong and large scale
development will follow.

There is still a shortage of
good hotel accommodation which
in turn inhibits development in
other areas. However the construction
of a hotel to international standards
is progressing steadily and this
should ameliorate the shortage of
such accommodation.

The congestion in the shopping
area in the centre of Bandar
Seri Begawan has been eased by
the completion of shopping
complexes at Mile 1, Jalan Tutong
and at Gadong. The present shortage
of parking arrangements in the
municipal area will be dealt with
under the new Plan which provides
for the building of multi-storey
car parks.

It is desirable that expenditure
on Development projects should
not lose momentum particularly
because Government spending at
a uniform rate is an important
factor in stabilising the economy in
the private sector. To this end the
next five year plan covering the
year 1980-84 is being embarked
upon without hiatus. The scheme
under the present plan which have
not been completed have been
carried forward so that the new
plan is a cohesive whole.

The 1980-84 Development
Plan provides for expenditure
totalling \$B1,700 million. It is
ambitious in concept providing
as it does for the further development
of all facets of Government
activities. Communications by road,
sea and air which have already been
developed will be further extended
and improved. Education and
Health Services will benefit from
the building of new schools, the
completion of the new hospital and
more facilities in the rural areas.
Telecommunications, Radio and
Television and the Postal services
are similarly provided for while
the public utility services of electricity
and water will be extended to
adequately meet the growing demand.
In order to diversify the economy
and maintain near full employment
the natural resources of Agriculture,
Fisheries and Forests will be
developed and more

Commercial centres will be built.
There is provision for further
public building, housing and the
building of religious schools and
mosques. By this means the
Government will be able to provide
for the education, health and
welfare of all the people and to
raise the standards of living by
the provision of amenities and
services, properly maintained
and backed by modern technology.

Provision is being made for
expenditure from the Development
Fund in 1980 amounting to
\$B414.3 million. Details of the
proposed expenditure in 1980
and of the overall schemes are
contained in the Estimates of
Development Expenditure for
1980 tabled at this session as
part of Paper No 1 of 1979. Although
it is unlikely that this amount
will be wholly spent next year,
it is necessary to provide for the
continuation of existing schemes
and the commencement of new
projects. As the balance standing to
the credit of the Fund at 1st
January 1980 is estimated to be
\$B175.6 million an amount of
\$B250 million is being contributed
to the Fund as an item of voted
Expenditure so that the total
amount available will be \$B425.6
million. The balance remaining in
the Fund at 31st December 1980
should therefore be \$B11.3 million.

In this brief review I have
endeavoured to inform Honourable
Members of the steps which are
being taken by the Government of
His Highness the Sultan and Yang
Dipertuan to make use of the
country's wealth to improve and
enhance the standard of living of
the people. A rich Government
does not necessarily mean that the
people are rich also, but through
the medium of good and free
social and welfare services, by
providing modern and technically
efficient public utilities, by taking
care of the religious needs of the
people and by educating the young
to take their place in a modern
and progressive society, it is
hoped that not only we of today
but tomorrow's children also will
be able to lead satisfying and
rewarding lives in peace and
contentment.

I should therefore like to
move Sir, that the Bill entitled
"An Enactment to apply a sum
out of the Consolidated Fund for
the service of the year 1980 and
to apply the said sum for certain
purposes" should be read a second
time.

Technical Education needs teachers

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — The technical section of
the Education Department is
inviting applications from suitably
qualified candidates for appointment
as temporary teachers (English
Medium) on a daily rated basis.

Teachers are required to
teach in the subjects of English
(EFL or EST), Accounts and
Commerce and Social Studies.
The appointment will be for

one year in the first instance
and thereafter renewable every
year.

One month's notice of
resignation is required and if the
candidate's service is terminated
a one month's notice will be
given.

The Director of Education
cannot arrange immigration
sponsorship nor provide accom-
modation.

The holders of an honours

degree of a recognised University
will be paid \$51.50 per day.
An Ordinary Degree holders of
a recognised University \$42.00
per day while those with a
Teacher's Certificate will be
paid \$35.00 per day.

Application forms are now
obtainable from the Education
Department Technical Section
and should be submitted in
duplicate to the Organiser of
Technical Education.

1) TANGKAL DAN AZIMAT YANG HARAM DI-GUNAKAN

ADAPUN azimat yang di-haramkan ia-lah azimat2 yang di-buat oleh orang2 zaman jahilliah seperti di-ikat tembaga di atas lengan, tembaga itu di-jadikan azimat, atau di-kalungkan sa-suatu di-leher sa-bagai azimat atau sa-bagai siher untuk menimbulkan chinta isteri kepada suami atau sa-balek-nya dan seumpama-nya dengan berbagai2 rupa dan chara.

Sementara itu tangkal yang di-haramkan ia-lah tangkal2 yang di-buat di-zaman Jahilliah, yang tiada dapat di-fahamkan erti dan tujuan-nya. Tangkal seperti itu mungkin mengandungi siher dan perkataan atau perbuatan kufur.

Orang2 Jahilliah itu ber-i'tikad bahawa tangkal dan azimat itu boleh menolak benchana dan kejahatan daripada mereka. I'tikad seperti ini ia-lah i'tikad bodoh, jahil dan sesat dan ia membawa kepada suatu dosa besar. Meski pun kita tiada dapat mengatakan shirik, tetapi i'tikad seperti itu boleh membawa dan menarek ka-dalam gaung shirik (menyekutukan Allah). Menyekutukan Allah pula ada-lah kufur dan menjadikan orang Islam itu murtad (keluar dari ugama Islam).

Orang murtad itu terputus nikah kahwin-nya dengan isteri-nya, jikalau ia tiada kembali kepada Islam dalam masa 'eddah isteri-nya, begitu-lah juga isteri yang murtad, putus nikah kahwin-nya dengan suaminya, jika ia tiada kembali kepada Islam dalam masa 'eddah-nya itu. Ia tiada boleh mempusakai orang2 Islam daripada warith2-nya yang Islam yang telah mati, dan apabila ia mati tiada boleh di-tanam di-perkuboran orang Islam, kerana perkuboran orang Islam adalah waqaf bagi mayat orang2 Islam dan khas perkuboran itu bagi orang Islam. Segala sembelehan-nya menjadi bangkai tiada halal di-makan oleh orang Islam. Dia tiada menjadi orang Islam semula sehingga ia menguchap dua kalimah shahadat dan faham ma'ana-nya dan mengaku menerima akan-nya dengan hati dan membuang segala i'tikad salah dan kufur tadi.

TANGKAL DAN AZIMAT (II)

YANG HARAM DAN YANG HARUS

Siri ke-16

2) TANGKAL DAN AZIMAT2 YANG HARUS DAN BOLEH DI-GUNAKAN

Tangkal2 dan azimat2 yang harus dan boleh di-gunakan ia-lah bahawa tangkal2 dan azimat2 itu di-ketahui erti dan tujuan-nya dan harus pada shara' serta mengandungi zikir kepada Allah seperti ayat2 dan hadith2.

Menurut Al-Imam Al-Khattabi bahawa tangkal2 dan azimat2 yang mengandungi zikir kepada Allah, ada-lah sunnat kerana tujuan-nya mengambil berkat dari zikir Allah, dan Allah jua yang memberi perlindungan dan mengornikan kesembuhan dan sa-bagai-nya bukan yang lain dari-nya. Begitu juga kata Al-Imam An-Nawawi bahawa harus menggunakan azimat2 yang menggunakan zikir Allah Ta'ala.

SHARAT TANGKAL

Berkata Al-Hafiz Ibnu Hajar: Bahawa ulama telah ijma' dalam perkara harus membuat tangkal dengan syarat:

(1) Tangkal itu menggunakan firman Allah Ta'ala nama2 Allah dan sifat2-nya.

(2) Tangkal itu dalam bahasa Arab atau bahasa yang di-ketahui erti-nya jika lain dari bahasa Arab.

(3) Hendak-lah orang yang membuat tangkal itu jangan ber-i'tikad bahawa tangkal itu memberi kesan, hanya yang memberi kesan

baik dan jahat ia-lah Allah jua.

JENIS2 TANGKAL

Berkata Al-Imam Al-Qurtubi: Bahawa tangkal itu ada tiga perkara:

(1) Tangkal yang di-buat oleh orang2 jahilliah dari perkara yang tiada dapat di-fahamkan tujuan-nya. Tangkal seperti ini, wajib-lah di-jauhi, supaya kita tidak terlibat dengan shirik atau yang membawa kepada shirik (menyekutukan Allah).

(2) Tangkal2 dari firman Allah atau nama2 Allah, maka tangkal2 seperti itu harus di-gunakan

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....



HAJJ ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(Y.M. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.C., P.S.S.U.S., D.S.M.J.,
S.M.B., P.H.S.S., P.I.S., Ashar dan U. Celis, Mufti

dan jika tangkal itu dari hadith atau athar Sahabat maka ia jadi sunnat pula.

(3) Tangkal2 bukan dari firman Allah seperti nama malaikat atau orang saleh atau Isim Muazzam dari makhlok seperti Arash, maka ini bukan wajib yang mesti di-jauhi, dan bukan yang di-shara'kan bagi minta pertolongan dengan Allah, dan bukan yang di-suroh pada mengambil berkat dengan nama2 Allah, maka tangkal2 seperti ini lebih baik di-tinggalkan, melainkan jika tangkal2 itu mengandungi perkara2 yang menghormati makhlok2 itu, maka sayugia di-jauhkan seperti menjauhkan dari bersumpah bukan dengan nama Allah Ta'ala.

AYAT AL-KOR'AN MENJADI OBAT

Berkata Al-Imam Al-Fakhrurazi dalam tafsir-

nya pada ayat 82, Surah Al-Isra':

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَاءً شَدِيدًا
وَرَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ

Adapun (من) di-sini bu-

kan berma'ana (تبيين) (sabahagian) bahkan ma'ana-nya jenis. Jadi tafsir-nya: "Kita (Allah) turunkan Kor'an dari jenis yang mengandungi penyembuh dari penyakit2 roh dan penyakit2 badan (penyakit zahir dan batin) dan ia rahmat kepada orang2 mukmin".

Menurut Al-Imam Al-Fakhrurazi ini, maka Kor'an itu semua-nya menjadi obat, penawar dan penyembuh bagi segala jenis penyakit zahir dan batin.

Banyak hadith dan athar yang menjadikan fatihah dan juga ayat2 Kor'an yang lain dari fatihah itu sa-bagai tangkal.

Demikian-lah i'tikad ahli Sunnah Wal-Jama'ah daripada umat Islam.

Kita berchakap panjang sedikit dalam perkara tangkal dan azimat, sebab ada puak2 ahli bid'ah memban-tah tangkal, azimat, tawasul, istighathah, ziarah kubor, talkin dan sa-bagai-nya. Mereka menyangka orang yang menggunakan tangkal dan azimat dan yang sa-umpama-nya itu mengikut2 perbuatan orang2 Jahilliah, yang sa-benar-nya mereka tiada tahu menggunakan hadith2.

Umat Islam dari ahli Sunnah Wal-Jama'ah telah melawan puak2 bid'ah dari awal2 Islam seperti Saidina Umar, Saidina Ali, Ibnu Umar, Ibnu Mas'ud dan lain2 sahabat Rasulullah seperti At-Tabi'i Jalil Al-Hassan Al-Basri dan Al-Imam Abu Hanifah, Malik, As-Shafi'i dan Ahmad bin Hambal, Al-Ash'ari, Al-Maturidi dan lain2 lagi yang banyak bilangan-nya.

WALLAHU A'ALAM



JIKA sa-suatu tangkal dan azimat itu di-ketahui erti dan tujuan-nya serta harus pula pada shara' dengan mengandungi zikir kepada Allah seperti ayat2 dan hadith2 maka ia ada-lah harus sunnat hukum-nya kerana bertujuan mengambil berkat dari zikir itu dan Allah jua yang berkuasa memberi perlindungan serta menyembuhkan sa-suatu penyakit.

UGAMA Islam ada mempunyai keistimewaan-nya yang terdiri daripada ugama2 lain ia-itu dengan menganjurkan ada-nya perimbangan antara tuntutan roh dan tuntutan jasad. Kerana itu Islam mengharuskan penganut2-nya makan minum yang baik2, dan memakai pakaian dan perhiasan dan tempat kediaman yang baik2 asalkan dalam bentuk-nya yang sederhana yang tiada melampaui batas.

Islam dalam menganjurkan perimbangan antara kedua-dua tuntutan roh dan jasad itu bukan-lah bererti dalam bentuk yang sama tingkat-nya, tetapi ada-lah menjadi hikmat Ilahi bahawa Islam itu ada-lah berdasarkan kaedah ilmu dan undang2 tabi'at sa-mula jadi yang mana menurut kaedah ilmu sa-sungguh-nya akal yang sehat itu terdapat pada badan yang sehat, dan ketinggian rohani tidak akan dapat di-chapai dengan mengharamkan jasad daripada keperluan2-nya, bahkan sudah menja-

di tabi'at semula jadi manusia yang ia-nya memerlukan keperluan2 jasad itu dalam bentuk-nya yang sederhana.

Dalam pada itu Islam juga menegaskan bahawa kehidupan akhirat itu ada-lah lebeh baik daripada kehidupan dunia. Dan kesempurnaan rohani itu hendak-lah menjadi matlamat yang wajib di-tuju oleh sa-tiap orang Islam. Kerana itu Allah s.w.t. dalam banyak ayat Kor'an selalu mengingatkan kita supaya kita jangan terpedaya dengan kehidupan dunia sa-mata2 tanpa bekerja dan beramal saleh bagi kehidupan akhirat.

Di-antara lain dalam surah Hud ayat 15 dan 16 Allah berfirman yang bermaksud: "*Barangsiapa berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasan-nya neschaya Kami (Allah) berikan hak mereka sa-chukup2-nya bagi pekerjaan2 yang mereka perbuat di-atas dunia. sedangkan mereka di-atas tiada di-kurangkan hak-nya. Tetapi tiada bagi mereka pahala di-akhirat dan balasan bagi pekerjaan2 mereka yang mementingkan dunia sa-mata2 itu ia-lah api neraka. Hapus-lah apa2 yang mereka perbuat dan bina-*

sa-lah apa2 yang mereka kerjakan."

Allah Ta'ala telah men-sifatkan orang2 yang tak-wa kapada-Nya itu sa-bagai orang yang beroleh kebaikan di-dunia dan di-akhirat sa-bagaimana firman-Nya dalam surah An-Nahl ayat 30 yang bermaksud: "*Di-hari akhirat orang2 bertakwa akan ditanya-Nya, di-katakan kapada mereka apa yang telah di-turunkan oleh Tuhan kapada kamu, mereka menjawab: "Kebajikan". Allah berfirman: Untuk orang2 yang memperbuat kebaikan di-atas dunia ia-lah kebijaksanaan pula bagi mereka di-atas dunia sa-sungguh-nya tempat kediaman akhirat itu ada-lah lebeh baik, dan amat baik sa-kali tempat kediaman orang2 yang bertakwa itu*".

M a k a memperchayai dan meyakini bahawa kehidupan di-akhirat itu jauh lebeh baik daripada kehidupan dunia ada-lah sa-baik2 pegangan hidup bagi kita yang boleh mengelakkan kita daripada mementingkan kelazatan2 dan kemegahan2 dunia sa-mata2 dengan tidak menghiraukan kepentingan hidup di-akhirat yang jauh lebeh baik dan kekal itu.

ISLAM BERDASARKAN KAEDAH ILMU

DAN UNDANG2



Apa yang ingin di-tegaskan dalam khutbah ini ia-lah bahawa dalam kita mendapatkan kemewahan dunia dan kesenangan-nya jangan-lah kita lupa tujuan akhir kita hidup di-dunia ini yang pasti akan kembali ka-alam akhirat yang akan berkekalan buat sa-lama2-nya yang mana de-

ngan iman dan amal saleh jua-lah yang akan menyelamatkan kita daripada seksa Allah s.w.t. Barangsiapa yang mengejar kemewahan dunia neschaya Allah akan korniakan kemewahan itu kapada-nya, tetapi kalau chara untuk mendapatkan kemewahan itu dengan chara yang sa-

lah dan yang di-haramkan oleh Allah neschaya kita akan mendapat balasan seksa di-akhirat. Maka bertakwa-lah tuan2 kapada Allah dan pastikan-lah diri tuan2 bekerja dan beramal bagi menuntun keredhaan Allah s.w.t.

PERNAH-KAH kita bertanya pada diri sendiri; apa-kah kita mahu menekmati sa-suatu yang berfaedah buat diri kita? Ataupun, kita mahu di-sebut2 dengan perkataan yang baik? Tentu sa-kali kita mahu. Chuba tanya sa-kali lagi apa-kah kita mahu menerima sa-suatu yang tidak baik? Ataupun dengan lebeh tepat lagi apa-kah kita mahu di-tudoh dengan sa-suatu tudohan yang kurang baik? Tentu-lah kita tidak mahu, dan mungkin kita akan bertegang urat untuk menolak tudohan itu.

Begitu-lah kenyataannya. Kita suka di-katakan dan menerima yang baik2 dan tidak suka bila di-uchap dengan ucapan yang tidak baik. Dan mungkin ini-lah tabi'at kita.

Tentu-nya sungguh aneh. Ada-kah suatu perkara yang masok di-akal kita, jika kita melakukan sa-suatu perkara yang tidak baik tetapi kita berharapkan sa-suatu yang baik pula hasil perbuatan yang tidak baik itu. Ataupun lebeh tegas lagi kita mahukan kebaikan sedangkan kita melakukan kechurangan. Sa-suatu yang tidak mungkin. Kalau kita membuat sa-suatu kebaikan memang kebaikan-lah yang akan kita terima. Begitu juga sa-balek-nya, kalau kita berbuat sa-suatu kechurangan, tentu-lah menghasilkan sa-suatu yang tidak baik juga.

Bayangkan yang kita berbakti kapada masharakat; tidak karit menghulurkan derma bakti dan tena-

ga. Sama2 berganding bahu menguasai dan membaiki keadaan masharakat. Tentu-lah sa-kurang2-nya akan meninggalkan ristaan yang baik.

Begitu-lah juga sa-balek-nya, kalau kita pernah melakukan sa-suatu kechurangan. Mengambil hak orang lain mithalannya. Kalau kita pernah mengambil hak orang lain, tentu-lah kita akan di-katakan sa-bagai penchuri walau pun itu ada-lah buat pertama kali kita melakukannya. Dan dengan itu tentu-nya orang tidak akan memuji-muji perbuatan kita itu malah orang akan melimparkan kejian dan tudohan yang tak sedap di-dengar.

Yang demikian ternyata, yang baik itu akan di-kenang kebaikan-nya dan yang kurang baik pula akan di-sebut kechurangan-nya. Dan kalau-lah kita di-tudoh dengan tudohan yang tidak baik, yang mana ter-

MENCHARI KEBAIKAN

**Bingkisan
minggu
ini**

bukti di-atas kesalahan diri kita sendiri, kita tidak-lah boleh menyalahkan orang lain. Ini ada-lah di-sebabkan segala sesuatu itu ada-lah hasil dari perbuatan kita sendiri jua. kalau kita menchuri, kita sendiri yang kena tangkap dan sendiri juga menerima pembalasan yang sa-timpal.

Allah s.w.t. berfirman dalam Surah Ash-Shura ayat 30 bermaksud: "*Dan apa saja musibah yang menimpa kamu ada-lah di-sebabkan oleh perbuatan tangan mu sendiri. Dan Allah memaafkan sa-bahagian besar (dari kesalahan2 mu)*".

Sudah jelas sekarang bahawa tiap2 sa-suatu yang kita terima itu ada-lah hasil olah tangan sendiri. Jika demikian hal-nya tidak ada guna di-kesalkan. Tinggal lagi kita hendak-lah mengubah sikap dan tingkah laku kita jika kita tidak mahu menerima sa-suatu akibat yang tidak baik.

Tentu kita pernah mendengar pepatah yang mengatakan: "*Gajah mati meninggalkan tulang, harimau mati meninggalkan belang dan manusia mati meninggalkan nama*". Kalau kita berbuat kebaikan maka kebaikan jua akan di-kenang dan di-terima. Begitu juga sa-balek-nya, kalau kita sentiasa berge-lumang dengan kejahatan dan kemungkaran, maka tentu-nya meninggalkan nama yang tidak baik.

Oleh yang demikian berhati-hati-lah dalam menghadapi gelombang hidup yang penoh dengan chabaran ini agar kita ter-hindar dari sa-suatu yang kita tidak ingini, di-samping kita tidak akan meninggalkan sebutan dan nama yang tidak baik di-belakang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23hb Januari, 1980 hingga ka-hari Selasa 29hb Januari, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
23hb Jan	12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
24hb Jan	12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
25hb Jan	12.37	3.58	6.34	7.46	5.06	5.20 6.35
26hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21 6.36
27hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21 6.36
28hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21 6.36
29hb Jan	12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21 6.36

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

KEPUTUSAN PEPEREKSAAN SIJIL RENDAH PELAJARAN BRUNEI, 1979

(Terta'alok kapada salinan keputusan asal)

MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA

Abd Mukti bin Md Salleh III, Abdul Wahid bin Talip II, Awang Idris bin Awang Abas III, Awang Rosli bin Pungut III, Awang Tuah bin Johor/Juhor III, Awang Morsidi bin Awg/Mohd Noor III, Danan bin Ibrahim III, Gurkha Yong I, Harun Alrashid bin Moslam II, Japri bin Hassan II.

Kamis bin Md Yassin/Besar I, Kifli bin Md Zain II, Maidin bin Bungsu III, Mat Yassin bin Kambur III, Mawat Anak Dangga III, Mohd Musa bin Muhamad I, Noorazmi bin Abd Hamid III, Omar bin Mohamad II, Saini bin Maidin II, Salim bin Md Salleh/Mohd Salleh I.

Tarsil bin Ali III, Armah bte Ali III, Dayang Halimah binte Sarbini II, Dayang Simah bte Shamsuddin I, Dk Norani bte Pg Omar II, Dk Sabariah bte Pg Sarifuddin III, Hjh Embun bte Hj Hussin III, Haluyah bte Sahari III, Hjh Mastura bte Hj Ismit II, Normah bte Abd Hamid III, Timbang bte Asan III, Zidah bte Aji III, Rohana bte Latip I, Rohani bte Bakar III, Samah bte Hamid III, Supiahnor bte Kamis III.

SEKOLAH MENENGAH MELAYU S.M.J.A., BANDAR SERI BEGAWAN

dasar2 kerajaan dan juga bidang tanggung-jawab sa-sebuah jabatan baik sa-chara langsung atau sa-balek-nya yang mengaitkan tugas2 yang di-bebankan kepada jabatan masing2.

Di-samping itu seminar itu juga di-hasratkan dengan tujuan untuk sama2 mencari jalan bagi mengusahakan satu2 tugas yang melibatkan masaalah2 mengikut keadaan2 yang terdapat di-negeri ini.

Sa-lain daripada itu satu kursus latehan baru, pengenalan bagi pemegang2 HND/Diploma yang baru berkhidmat juga akan di-selenggarakan dalam mana ia bertujuan untuk mengenalkan kepada peserta kursus struktur kerajaan sa-chara am dan keadaan se-

keliling dalam mana struktur itu ada dan mengenalkan kepada mereka tentang peratoran2 dan amalan kerajaan di-samping menjelaskan syarat2 perkhidmatan dan peranan mereka sa-bagai pegawai awam.

Di-samping itu juga beberapa kursus yang pernah di-jalankan pada tahun2 lepas akan terus di-adakan tahun ini termasuk kursus latehan asas kerani2, kursus penyambut tetamu dan operator talipon, kursus bagi peon2 serta kursus prinsip2 dan amalan2 penyeliaan dan pengurusan.

Sa-ramai hampir 640 orang pegawai2 dan kakitangan kerajaan di-jangka akan terlibat menyertai kursus2 tersebut.



GAMBAR atas kelihatan 16 orang kerani dari beberapa buah Jabatan Kerajaan yang telah menyertai kursus latehan asas kerani yang di-anjarkan oleh Yunit Latehan awal bulan ini.

TERIMA KASEH DRP. PENDUDOK2 KAMPONG SUMBILING LAMA

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Bagi pehak Ketua Kampong dan anak2 Kampong Sumbiling Lama sini, mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, kerana telah memberikan kemudahan jambatan bagi keperluan anak2 kampong, yang mana jambatan ini di-uruskan melalui Pejabat Daerah Brunei-Muara dengan bantuan berupa kayu dan wang.

Dengan ada-nya kemudahan jambatan ini akan dapat membolehkan anak2 kampong untuk menjalankan keperluan harian dan akan membisakan lagi perjalanan bagi anak2 kampong.

Ini telah di-nyatakan oleh Ketua Kampong Sumbiling Lama, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa bin Awang Hitam, di-majlis perasmian jambatan kampong tersebut minggu lalu. Jambatan itu



YDM Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa.

telah di-rasmikan oleh Pegawai Pentadbir Pejabat Daerah Brunei-Muara, Awang Hamzah bin Haji Ja'afar.

Jambatan yang panjangnya 750 kaki itu menelan belanja sa-banyak \$15,000.00 telah di-sediakan oleh Pejabat Daerah Brunei-Muara dan di-berikan kepada anak2 kampong sa-chara gotong-royong.

Pehin Orang Kaya Indera Dewa berseru kepada anak2 kampong di-sini akan dapat lagi bekerjasama bagi membisakan lagi jambatan itu di-samping mengucapkan terima kaseh-nya kepada anak2 kampong kerana bekerja keras dan bermuafakat bagi kejayaan jambatan ini, dan semoga ia-nya akan dapat menjadi contoh untuk kebajikan bersama.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembukaan Rasmi Jambatan itu, Awang Ali bin Ahad, telah menerangkan serba ringkas sejarah ketiga2 jambatan yang baru itu. Menurut-nya Kampong Sumbiling Lama merupakan kampong yang agak besar dan penduduknya yang agak ramai dan kebanyakan-nya berulang akek ka-bandar untuk tujuan2 pekerjaan, perniagaan, urusan2 pejabat dan lain2.

Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-lanjutkan

BANDAR SERI BEGA-WAN.—Pameran Sejarah Perkembangan Islam di-Brunei yang di-adakan sempena menyambut kedatangan tahun Hijrah 1400 maseh lagi di-buka kepada orang ramai.

Menurut Pengarah Muzium2 Brunei, P.M. Dato Sharifuddin pameran yang di-adakan di-Dewan Bandaran itu akan di-lanjutkan sa-hingga enam bulan lagi.

Kata-nya orang ramai boleh-lah menyaksikan pameran itu pada tiap2 hari kechuali hari Isnin, dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 5.00 petang.

Memandangkan perlu-nya kemudahan perhubungan seperti jambatan ini, maka penduduk2 kampong telah sepakat untuk memohonkan jambatan yang di-maksudkan kepada Kerajaan melalui Ketua Kampong, yang sentiasa pepaduan dan memberi tunjuk ajar ka-atas anak2 buah kampong dan akhir-nya pembenaan jambatan itu bermula pada pertengahan tahun 1979 yang lalu.

"Kami mengucapkan terima kaseh kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia melalui Pejabat Daerah Brunei-Muara, kerana dapat memenuhi kehendaki anak2 kampong sini yang besar erti-nya," jelas beliau.

Beliau mengharapakan kepada semua penduduk di-kampong itu akan dapat menggunakan jambatan itu dengan sebaik2-nya serta menjaga dengan sempurna.

"Saya perchaya perhubungan silaturrahim di-kalangan penduduk kampong ini akan bertambah erat, dan perpaduan kita sa-bagai sa-buah kampong akan bertambah kukuh. Kemudahan jambatan ini juga boleh disifatkan salah satu jalan kaarah perkembangan kampong ini dalam berbagai segi sesuai dengan rancangan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk memberikan perkhidmatan dan kesejahteraan yang selengkap2-nya kepada rayat dan penduduk di-negeri Brunei ini", jelas-nya.



AWANG Aziz bin Abdul Rahman, Pegawai Pentadbir di-Pejabat Perjawatan (gambar atas) kini berada di-United Kingdom untuk mengikuti kursus Perancangan Tenaga Manusia di-University of Manchester.

Awang Aziz akan berada di-sana sa-lama tiga bulan dalam mana antara lain beliau akan mempelajari structure, sistem dan tujuan2 dalam satu2 pertubohan sa-chara umom dan khusus kepada perkhidmatan Kerajaan. Penjangkauan juga akan di-buat terhadap pentadbiran dalam satu2 pertubohan yang berharapan tenaga manusia sa-bagai jentera utama-nya.

LANGKAH MENGURANGKAN MASAALAH PERUMAHAN RAAYAT

MASAALAH kekurangan perumahan bagi kakitangan2 Kerajaan, pekerja2 di-privet swasta dan umum-nya orang ramai di-negeri ini bukan-lah suatu perkara yang baru, malah-an semua negeri2 yang sedang membangun sama2 menghadapi-nya. Dengan sebab itu-lah pihak berkuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, telah, sedang dan akan terus berusaha sedaya-upaya yang termampu untuk mengatasi masalah itu dengan membuat berbagai projek perumahan dan juga perpindahan. Buktinya, selama ini pihak berkuasa Kerajaan sedang giat melaksanakan pembenaan perumahan dari berbagai jenis untuk pegawai dan kakitangan2-nya, ia-itu dari jenis B, C, E, F, G Flat dan hingga-lah ka-bangunan Berek.

Di-samping itu juga Kerajaan telah menyediakan satu projek meminjamkan wang untuk membena rumah persendirian bagi kakitangan2-nya yang terdiri dari raayat di-negeri ini. Jadi-nya, kurang bijaksana-lah kalau kita sengaja melupakan segala usaha serta kemudahan2 yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada mengatasi masalah tersebut (sekadar yang termampu atau terungkayah) sahaja buat sementara seperti kata pepatah "Berjagong2 dahulu sementara padi masak".

Harus-lah di-sadari juga bahawa Kerajaan pada menyempurnakan masalah kebajikan perumahan bagi pegawai dan kakitangan2-nya itu tidak-lah terhad. Akan tetapi terus menerus di-usahakan ia-itu menurut keupayaan dan kemampuan, sekali pun suatu hal yang kurang jelas atau kurang di-mengerti oleh kita sendiri bahawa dalam pengambilan perkhidmatan (bekerja) yang telah di-hasratkan yang Kerajaan itu tidak-lah menyediakan tempat tinggal (perumahan) berbanding dengan pegawai2 yang di-pinjamkan atau yang di-ambil bekerja dari luar negeri.

Dan ini bukan-lah bererti yang Kerajaan itu senghaja membelakangkan kepentingan atau hendak2 pegawai2 atau kakitangan2-nya (yang terdiri dari anak2 tempatan), malah-an rasa hati Kerajaan, dalam hal ini sama-lah jua di-umpamakan rasa hati ibubapa terhadap anak2-nya untuk memenuhi permohonan sa-takat yang terdaya dan termampu di-usahakan.

PROJEK PERPINDAHAN KAKITANGAN2 KE-RAJAAN

Alhamdulillah, shukur kapada Allah s.w.t. satu lagi rahmat yang di-korbankan, dalam mana pada peringkat awal kakitangan2 Kerajaan dari Bahagian Tiga ka-bawah (yang belum mempunyai rumah dan tanah) akan dapat menikmati rancangan perumahan melalui projek perpindahan. Untuk ini, borang khas permohonan menyertai projek perpindahan itu akan di-edarkan tidak berapa lama lagi melalui Jabatan Perpindahan.

Pengarah Perpindahan, YAM Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, memberitahu kapada Pelita Brunei, baru2 ini bahawa rancangan peringkat permulaan bagi perpindahan sahara besar2an itu akan dimulakan bagi kakitangan2 Kerajaan. Perkembangan ini ada-lah hasil dari kajian yang telah di-jalankan dalam mana borang2 untuk penyelidikan itu telah di-edarkan tidak lama dahulu. Dan berkemungkinan besar melalui borang2 penyelidikan itu dahulu pihak yang berkenaan mendapati bahawa antara yang mengkehendaki perpindahan itu kebanyakan-nya terdiri dari kakitangan Kerajaan.

Ada-lah logik bagi kita menghargai mana2 yang patut di-hargai itu di-samping berfikir lebih jauh bahawa pelaksanaan sa-satu rancangan itu perlu-lah didasarkan kapada keutamaan, ia-itu, mendahulukan yang patut di-dahulukan — ini bermakna bukan-lah niat hendak membelakangkan kepentingan orang ramai.

KERAJAAN BERSIKAP TEGAS

Jangan-lah sampai di-salah ertikan maksud sikap tegas Kerajaan dalam merancang perpindahan yang akan datang itu — malah-an

ia-nya ada-lah untuk kebajikan raayat dan penduduk di-negeri ini jua. Justeru itu, Kerajaan sememangnya berhati2 dalam melaksanakan rancangan perpindahan ini dan berdasarkan pengalaman2 yang pernah dilalui-nya, terutama pada mengelakkan berlakunya sa-satu perkara yang tidak di-ingini yang boleh membebankan kapada raayat dan Kerajaan sendiri dan sudah barang tentu dalam hal ini kita tidak mahu Kerajaan dan juga raayat negeri ini tinggal rugi baik dari segi material atau rohaniyah dalam melaksanakan rancangan yang berkebaikan ini.


Soal2 seperti pembayaran bialek dan salah gunakan ka-atas rahmat yang

di-korbankan dalam kita menyambut rancangan perpindahan ini juga patut di-kaji serta di-berikan perhatian. Pada mithal, telah datang ka-pengetahuan kita ada di-antara peserta yang di-berikan kemudahan perpindahan dan di-sediakan rumah serta tanah dahulu itu maseh tidak mahu menjelaskan bialek hutang mereka dengan berbagai2 alasan. Demikian juga perpindahan Jalan Badas Seria yang mempunyai kesah2 perpindahan yang perlu pada pengkajian semula agar ia tidak menjejaskan apa yang di-kehendaki oleh negara. Dan di-sini-lah yang di-maksudkan yang Kerajaan bersikap tegas dalam hal ini. Jika tidak ada ketegasan, ia-nya akan menyusahkan bialek kapada Kerajaan dan raayat sendiri di-kemudian hari.


(BERSAMBONG)



AWANG Mohd Zain bin Haji Abdul Ghani, salah sa-orang Juruteknik di-Jabatan Perpindahan, sedang menunjukkan peta kawasan perpindahan yang di-chadangkan untuk kakitangan2 Kerajaan dan orang ramai, di-bilik gerakan jabatan tersebut baru2 ini.



MODAL kawasan perpindahan Kampong Rimba, kelihatan deretan perumahan lengkap dengan kawasan2 padang permainan, kedai2, klinik, sekolah, Balai Pulis dan lain2 kemudahan bagi peserta rancangan perpindahan yang akan terlibat pindah ka-kawasan tersebut (gambar atas). Sementara gambar2 di-bawah ini menunjukkan dua jenis bentuk rumah yang di-chadangkan. Sa-takat ini harga rumah2 yang di-chadangkan itu belum lagi di-ketahui, mungkin ia-nya maseh di-dalam pertimbangan pihak berkuasa perpindahan. Bagaimana pun ia-nya lambat laun akan dapat kita ketahui kemudian.



JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelakuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan dan Yang Dipertuan untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juruteknik Makmal/Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman :
a) Chalon2 untuk di-lantek di-bawah sekim ini hendak-

lah sudah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun.
b) Chalon2 mesti-lah mempunyai empat 'O' Level. Kelulusan terdiri Bahasa Inggeris dan dua mata-pelajaran sains atau lima 'O' Level dengan kelulusan terdiri dari Bahasa Inggeris dan satu mata-pelajaran Sains.

Kenyataan2 Pegawai Penguasa Warith

SURAT KUASA PESAKA No. 2/1980

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Rokiah bte Abdullah, d/a Barrack J.K.R. No. 154-E, Jalan Petai, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Gani bin Sempulot @ Gani Anak Sempulot yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-lah si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

No. 3/1980

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Ahmad bin Haji Wahab, d/a Balai Pulis, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Yahya bin Daud yang telah meninggal dunia di-Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-lah si-pemohon ia-lah chuchu lelaki kepada si-mati.

No. 4/1980

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nolan Guilbeau wakil mutlak kepada Gordon Ross Hume, Reading and Bates Borneo Drilling Company Limited, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Gordon Ross Hume yang telah meninggal dunia di-Tutong de-

ngan sebab ia-lah si-pemohon ia-lah wakil mutlak kepada si-mati

No. 5/1980

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang N. J. Guilbeau wakil mutlak kepada Webster Cobb, d/a Reading and Bates Borneo Drilling Company Limited, Kuala Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Webster Cobb yang telah meninggal dunia di-Oakdale, LA, U.S.A. dengan sebab ia-lah si-pemohon ia-lah wakil mutlak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 24 haribulan Januari, 1980, pada jam 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 10 haribulan Januari, 1980.
Charlie Foo
Pegawai Penguasa Warith,
Brunei.

DEPARTMENT OF EDUCATION TECHNICAL SECTION

APPLICATIONS are invited from suitably qualified candidates for appointment as temporary teachers (English Medium) on a daily rated basis. Teachers are required in the following subjects :—

- English (EFL or EST)
- Accounts and Commerce
- Social Studies

Terms of Appointment

The appointment will be for one year in the first instance and thereafter renewable at one year intervals. One month's notice of resignation is required and if the candidate's service is terminated one month's notice will be given.

The Director of Education cannot arrange immigration sponsorship nor provide accommodation.

Qualification and Salary

An Honours Degree of a recognised University — \$51.50 per day

An Ordinary Degree of a recognised University — \$42.00 per day

A Teachers Certificate — \$35.00 per day

Application forms are obtainable from the Education Department Technical Section and should be submitted in duplicate to the Organiser of Technical Education.

Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi :—

- KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/007-80 Membbaiki seluruh rumah2 bekas Rumah Sakit di-Kuala Belait.
- KATEGORI 15 — TAWARAN No. SSU/005-80. Peruntukan bagi Truck2 yang mempunyai alat2 pemuatan sendiri.
- KATEGORI 4 — TAWARAN No. ECO/008-80. Menyambong bilek cetak pejabat buat Pelan untuk kemudahan "Micro Filming".

Bagi maklumat lebih lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

Tangga Gaji :

M. 3 — \$395-408-421-434-446-459 - 472-491-510-529-548-567-587.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik Makmal Perchubaaan dan akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalani latihan dalam perkhidmatan bagi pegawai2 Kerajaan.

Juruteknik Makmal Perchubaaan akan di-kehendaki lulus peperiksaan ONC/OND atau sebanding dengan-nya sa-masa menjalani latihan dalam tempoh perchubaaan mereka.

Juruteknik Perchubaaan yang :
(a) telah lulus peperiksaan, dan
(b) di-sokong oleh Ketua Jabatan mereka akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Terlatih.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Februari, 1980.

(E/207/60/3)
(Bil: 3/1980)

TENDER NOTICE

TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED WORKSHOP FOR MARINE POLICE BASE, MUARA

- TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'A' and 'B' Contractors registered with Electrical Department up to 12.00 noon, 26th February 1980 (Tuesday).
- Tenders received after the stipulated time will be rejected.
- Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED WORKSHOP FOR MARINE POLICE BASE, MUARA."
- Tender documents may be obtained from the office of M/s Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, Room 27-29 Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan during normal office hours from 28th January, 1980 onwards.
- The Tender Deposit will be B\$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei.
- The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.
- The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' Office.
- Prior to the issue of the tender documents, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Contractor registered with Electrical Department.
- The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project Vote.

The Tender Deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineers' Office.

Prior to the issue of the tender documents, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' or 'B' Contractor registered with Electrical Department.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

SERIAL No. 67(CL)/1979

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Cable Laying Contractor Class 'A' up to 12.00 noon on Tuesday 5th February, 1980.

PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

No. 1 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for :—

REMEDIAL WORKS TO SUNKEN CONCRETE SLABS AND REPAINTING TO TREATMENT PLANTS AND WORKS BUILDINGS SEWAGE DISPOSAL WORKS STATION, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 2 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for :—

RAISING EXISTING SEWER MANHOLE R.B.M.R. CAMP AND TUTONG TOWN SEWERAGE SCHEME.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 3 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for :—

RAISING EXISTING SEWER MANHOLE BANDAR SERI BEGAWAN SEWERAGE SCHEME.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 4 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for :—

THE CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS AT EXISTING ACCESS ROAD OFF MAKAM DIRAJA ROAD, MILE 1 JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 5 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for :—

EXTENSION OF STEEL PLATES TO EXISTING SEWAGE TREATMENTS AT SIXTH FORM CENTRE, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

NOTE :

A site inspection will be held at 9000 hrs on Monday 28th January, 1980 at the site.

Tender documents and all particulars may be seen at the

office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 6 OF 1980

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for :—

PROPOSED LABORATORY BUILDING AT PUSAT LATEHAN TEKNIKAL, JALAN MUARA BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 7 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

PROPOSED ADDITION, ALTERATION AND RENOVATION TO EXISTING HEALTH CLINICS AT KAMPONG BUNUT AND SERASA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 8 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

THE CONSTRUCTION OF THE SEWERAGE RETICULATION FOR EDUCATION DEPARTMENT'S NEW STAFF QUARTERS AT BUKIT BENDIRA, TUTONG.

NOTE :

Site inspection will be held at 10.00 a.m. at the site on 2nd February, 1980.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 9 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th February, 1980 for :—

RODENT AND PEST CONTROL, BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG, SERIA AND BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 10 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

CONSTRUCTION OF PROPOSED T.B. CLINIC AT TUTONG GENERAL HOSPITAL, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 11 OF 1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up

to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

SUPPLY OF PAINTS TO P.W.D. BRUNEI FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 12 OF 1980

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

THE CONSTRUCTION OF 10 BLOCKS OF SENIOR OFFICER'S QUARTERS (KINABALU TYPE) AND 3 BLOCKS OF CLASS 'C' QUARTERS AT R.B.M.R. CAMP, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 13 OF 1980

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th February, 1980 for :—

PROPOSED MAIN STORM DRAIN BEHIND GOVERNMENT STATE STORE, JALAN GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 14 OF 1980

TENDERS will be received from suitably qualified contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th February, 1980 for :—

DESILTING OF 24" DIA. MARINE OUTFALL SEWER AND ITS ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI BELAIT, KUALA BELAIT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

TENDER NOTICE

No. 1/1980

- TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Government Office, Bandar Seri Begawan, up to 4.00 p.m. on Thursday 14th February, 1980 for the supply and Delivery of Fire Extinguishers to an approved standard specifications:—

1. 3LBS, 5LBS, 6LBS AND 12LBS RE-CHARGEABLE BCF FIRE EXTINGUISHERS (PRICE PER UNIT TO BE STATED).

2. Tenders for the above should provide recharging facilities of the Fire Extinguishers locally in Brunei.

3. Tenderers are requested to forward their specifications and catalogue for the above fire extinguishers with their tender. All prices quoted based on CIF Brunei.

4. Date of delivery to be stated.

5. Tenders received after this time will be rejected.

6. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked tenders for the Supply and Delivery of Fire Extinguishers. The name of the tenderer must not appear on the envelope.

7. The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

8. The lowest or any tender will not necessarily be accepted.

ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

PROPOSED HIGH TENSION CABLE LAYING WITH CABLE DUCTS FROM LAPAU SUBSTATION TO CUSTOM (WHARF) SUBSTATION ALONG JALAN KIANGGEH

Tender documents and all particulars may be seen at the office of the Chief Electrical

Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender deposit of \$300.00 shall be in the form of a cheque, refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

The Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

LEBEH 30,000 AKAN SERTAI PERARAKAN MAULUD

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di-jangka akan berangkat ka-Padang Besar di-ibu negeri bagi menyempurnakan perasmian Perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun Hijrah 1400 pada hari Rabu 30hb Januari ini.

Perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. pada tahun ini akan di-adakan serentak di-seluruh negeri mulai jam 7.20 pagi.

Bagi Daerah Brunei dan Muara perarakan raksaksa yang akan bermula di-Padang Besar itu akan disertai oleh lebih daripada 30,000 orang yang mewakili lebih dari 135 buah pasokan yang terdiri dari penuntut2 dan murid2 sekolah rendah, menengah dan maktab2, persatuan2 belia, kampong2, kelas2 dewasa dan pejabat2 kerajaan serta sharikat2 swasta.

Dari jumlah itu sa-ramai 10,994 peserta terdiri dari Sekolah Rendah Melayu

Seminar jurulatih pemimpin2 pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu seminar bagi Jurulatih Pemimpin2 Pengakap akan di-adakan dalam bulan Februari depan.

Seminar dua hari itu dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan di-kekelolakan oleh Persekutuan Pengakap Negeri Brunei.

Pembukaan rasmi seminar tersebut akan di-laksanakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Diraja, Lt Kol Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pg Haji Apong, pada 16hb Februari, sementara penutup rasmi-nya akan di-lakukan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Alikhan bin Abdul Khan, Yang Dipertua Persekutuan Pengakap Negeri Brunei pada 17hb Februari, 1980.

Peserta2 seminar ini terdiri dari Jurulatih2 Pemimpin2 Pengakap Negeri Brunei yang di-jangka di-hadiri oleh 24 orang. Pemimpin2 Pengakap yang berminat untuk menghadiri seminar ini ada-lah di-kehendaki untuk mengisikan borang yang boleh di-perolehi dari Pesuruhjaya Pengakap Daerah masing2 dan hendak-lah di-kembalikan kepada Setiausaha Lahan, d/a Awang Haji Mohd Hassan Haji A. Timbang, Pejabat Muzium Brunei, Kota Batu tidak lewat 1hb Februari, 1980.

dan Persediaan Inggeris serta Sekolah2 Ugama; 5,995 orang peserta dari pejabat2 kerajaan; 5,387 orang peserta dari Sekolah2 Menengah dan maktab2; 3,348 orang dari bahagian kampong2; 2,240 dari persatuan2 belia dan 480 orang peserta terdiri dari kelas2 dewasa.

Menurut sa-orang juruchakap dari Jabatan Hal Ehwal Ugama minggu lalu bahawa jumlah tersebut belum lagi termasuk bilang an rasakan2 yang beruniform seperti Askar Melayu Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei.

Perarakan raksaksa pada hari itu akan bermula dari Padang Besar di-ibu negeri dan kemudian melalui Jalan Stoney, Jalan Sekolah, Jalan Kijanggeh, Jalan McArthur dan kembali semula ka-padang.

Thema perarakan maulud tahun ini ia-lah "MENG-HAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN".

Bagi Daerah Tutong, sambutan ini akan di-adakan di-Padang Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan tetamu kehormat dalam perhimpunan itu nanti ia-lah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz. Sementara perhimpunan di-Daerah Belait akan di-langsungkan di-Padang KBRC. Tetamu kehormat bagi sambutan di-daerah ini ia-lah Speaker Majlis Mashuarat Negeri, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Hj Abu Bakar bin Pengiran Umar.

Manakala tetamu kehormat bagi perhimpunan di-Daerah Temburong ia-lah Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim. Perhimpunan Maulud di-daerah ini akan di-adakan di-Padang Pekan Bangar Baharu.

Pihak penganjor perarakan Maulud menyeru umat Islam di-Daerah2 yang berkenaan supaya bersama2 mengambil bahagian bagi memeriahkan hari yang bersejarah bagi umat Islam itu, di-samping menunjukan rasa cinta dan sayang kepada pemimpin2 besar kita Nabi Muhammad s.a.w. Radio Talivishen Brunei akan menyiarkan sa-chara langsung perhimpunan dan perarakan dari Padang Besar.

Sementara itu majlis perasmian pembukaan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. telah di-adakan

di-Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri di-sini pada malam Sabtu yang baru lalu.

Perasmian sambutan tersebut telah di-lakukan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Awang Haji Abd Hamid bin Bakal, Kadzi Besar Brunei.

Achra pada malam itu telah di-mulakan dengan bacaan ayat2 suci Al-Kor'an oleh Yang Mulia Mudim Haji Abd Wahid bin Haji Besar kemudian majlis di-ikuti pula dengan ucapan alu2an oleh Kadzi Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Metussin bin Haji Timbang. Sementara bacaan do'a selamat telah di-bachakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Hj Md Tamin bin Abd Hamid.

Kemunchak dari achra pada malam itu ia-lah persembahan zikir yang di-ambil bahagian oleh gubahan Kampong Burong Pinggal, Kampong Lurong Dalam, Kampong Pandai Besi "A", Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pejabat Kehutanan. Kira2 200 orang telah menyertai majlis pada malam itu.

Majlis berzikir khusus bagi memperingati kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. itu akan di-adakan sa-lama 12 malam berturut-turut hingga 29hb Januari di-mana upacara penutup akan di-lakukan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu pada malam ini kampong2 dan pejabat2 kerajaan yang akan menyertai majlis berzikir di-masjid tersebut ia-lah Kampong Setia Pahawan, Kampong Pekilong Muara, Kampong Saba Darat A dan B; Pejabat Imigresen dan Pejabat Perubatan dan Kesihatan. Dan pada malam yang berikut-nya kampong2 yang turut serta di-majlis itu ia-lah Kampong Saba Ujong dan Saba Laut; Kampong Sungai Kijanggeh; Kampong Barangan; Kampong Padang Baru; Jabatan Letrik dan Jabatan Pos.

Pada 25hb Januari — Kampong Sumbiling Lama, Kampong Tamoi Tengah dan Ujong; Kampong Pengiran Tajuddin Hitam; Jabatan Tali-kom; dan Jabatan Perjawatan. 26hb Januari — Kampong Kerma Indera Lama; Kampong Bendahara Lama; Kampong Limbongan; Kampong Ujong Bukit; Pejabat Polis Diraja dan Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Pada 27hb Januari — Kampong Sumbiling Baru; Kampong Lupak Luas; Kampong Buang Tekurok; Kampong Kijang; Jabatan Letrik dan Jabatan Pengangkutan Darat. 28hb Januari — Kampong Kiulap; Kampong Sungai Kebun; Kampong Ujong Kelnik; Kampong Sungai Siamas; Pejabat Setor dan Perbekalan Negara dan Pejabat Pelajaran. 29hb Januari — Kampong Setia A dan B; Kampong Tarap Bau; Kampong Saba Tengah; Jabatan Setia Usaha Sulit Kebawah Duli Yang Maha Mulia; Jabatan Kerja Raya serta Majlis Belia2 Negeri Brunei.



SA-BAHAGIAN dari peserta yang mengambil bahagian dalam majlis zikir di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam Sabtu yang lalu.

Keputusan pepereksaan BJCE/SRPB

Dari muka 1

Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, K.B. menduduki tempat ke-empat dengan mendapat 89.36 peratus kelulusan. Dari 47 orang chalu, sa-ramai 42 orang telah lulus — sa-orang mendapat Bahagian I, 19 orang Bahagian II dan 22 orang Bahagian III.

Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam, Bunut yang mendapat 89.29 peratus kelulusan, jatuh di-tempat kelima. Dari 28 orang chalu yang di-kemukakan-nya, sa-ramai 25 orang telah lulus — sa-orang mendapat Bahagian I, lima orang Bahagian II dan 19 orang Bahagian III.

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains dengan mendapat kelulusan 83.72 peratus di-tempat ke-enam. Dari 43 orang chalu yang menduduki pepereksaan itu, sa-ramai 36 telah lulus — enam orang mendapat Bahagian I, sembilan orang Bahagian II dan 21 orang Bahagian III.

Ini di-ikuti oleh SMM Muda Hashim, Tutong dengan mendapat 72.37 peratus yang lulus. Dari 152 orang chalu yang menduduki pepereksaan tersebut, sa-ramai 110 orang telah lulus — sa-orang chalu mendapat Bahagian I, 66 orang mendapat Bahagian II dan 43 orang mendapat Bahagian III.

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar mendapat 72.34 peratus kelulusan. Sekolah itu mengemukakan 47 orang chalu, 34 dari-nya telah lulus — empat orang mendapat Bahagian II dan 30 orang mendapat Bahagian III.

Dari 212 orang chalu yang di-kemukakan oleh Sekolah Menengah Melayu SMJA, sa-ramai 147 orang telah lulus ia-itu bersamaan dengan 69.34 peratus. Dari jumlah yang lulus, sa-orang mendapat Bahagian I, 32 orang Bahagian II dan 114 orang Bahagian III.

Dalam keputusan pepereksaan Brunei Junior Certificate of Education pula, Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan mengatasi 17 buah sekolah2 kerajaan, Misi dan China di-seluruh negeri dengan mendapat kelulusan 88.24 peratus. Sekolah itu menyalurkan sa-ramai 17 orang dan 15 dari-nya telah lulus — 11 orang mendapat Bahagian I dan empat Bahagian II.

Sekolah St Andrews, Bandar Seri Begawan, mendapat 85.00 peratus kelulusan. Sekolah itu menyalurkan sa-ramai 40 orang dan 34 dari-nya telah lulus. Dari jumlah itu, 28 orang mendapat Bahagian I dan 6 orang mendapat Bahagian II.

Sekolah St Michael, Seri — 55.10 peratus; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri — 54.57 peratus; Sekolah St Angela's Convent, Seri — 47.89 peratus; Sekolah Menengah SMJA — 47.06 peratus; Sekolah St Margaret's, Seri — 45.83 peratus; Sekolah St James, Kuala Belait — 25.93 peratus; Sekolah Menengah Chong Ching, Seri — 22.86 peratus; Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar — 21.05 peratus dan Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait — 20.00 peratus.

Sekolah St John's, Kuala Belait yang mengemukakan 53 orang chalu jatuh di-tempat ketiga. Peratus kelulusan yang di-chapai oleh sekolah itu ialah 79.25 peratus. Dari jumlah yang lulus itu, sa-ramai 32 orang mendapat Bahagian I dan 10 orang mendapat Bahagian II.

Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait yang mengatasi tujuh buah Sekolah Menengah Kerajaan yang lain menduduki tempat ke-empat dengan 77.42 peratus yang lulus. Sekolah itu menyalurkan 124 orang dan 96 orang dari-nya telah lulus. Dari jumlah yang lulus itu, sa-ramai 42 orang mendapat Bahagian I, 52 orang mendapat Bahagian II dan 2 orang mendapat Bahagian III.

Ini di-ikuti oleh Sekolah St George's, Bandar Seri Begawan dengan 77.17 peratus yang lulus. Sekolah ini mengemukakan sa-ramai 92 orang chalu dan 71 dari-nya telah lulus — 58 orang mendapat Bahagian I dan 13 orang mendapat Bahagian II.

Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong mendapat 76.64 kelulusan. Dari 214 orang chalu, sa-ramai 164 orang telah lulus — 57 orang mendapat Bahagian I, 104 orang mendapat Bahagian II dan 3 orang mendapat Bahagian III.

Maktab Anthony Abell, Seri mendapat 67.11 peratus kelulusan. Maktab itu mengemukakan 152 orang chalu dan 102 dari-nya telah lulus — 41 orang chalu mendapat Bahagian I, 58 orang mendapat Bahagian II dan 3 mendapat Bahagian III.

Maktab SOAS (Junior) yang mengemukakan 231 orang chalu mendapat 64.07 kelulusan. Dari jumlah itu, 148 orang telah lulus — 94 mendapat Bahagian I, 51 mendapat Bahagian II dan 3 mendapat Bahagian III.

Berakas English School mendapat 62.91 peratus kelulusan. Sekolah itu menyalurkan sa-ramai 302 orang dan 109 dari-nya telah lulus — 77 orang Bahagian I, 112 Bahagian II dan 1 Bahagian III.

Sekolah St Michael, Seri — 55.10 peratus; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri — 54.57 peratus; Sekolah St Angela's Convent, Seri — 47.89 peratus; Sekolah Menengah SMJA — 47.06 peratus; Sekolah St Margaret's, Seri — 45.83 peratus; Sekolah St James, Kuala Belait — 25.93 peratus; Sekolah Menengah Chong Ching, Seri — 22.86 peratus; Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar — 21.05 peratus dan Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait — 20.00 peratus.

Keputusan penoh bagi kedua2 pepereksaan itu di-siarkan di-muka 6, 9, 12 dan 18.

Kongres Agong Perwakilan MBB 1980

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Negeri Brunei pada hari Ahad 27hb Januari ini akan mengadakan Kongres Agong Perwakilan-nya bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini.

Kongres tersebut di-jangka akan di-rasmikan oleh Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Antara perkara2 yang akan di-bincangkan dalam kongres tersebut termasuk-lah dua keratan kerja yang di-sediakan oleh Ahli Jawatankuasa Tadbir MBB dan beberapa usol dan cadangan dari persatuan2 yang bergabung dengan MBB.

Setiausaha Agong MBB dalam satu kenyataan-nya kepada Pelita Brunei mengingatkan semua peserta2 yang akan menyertai kongres itu ada-lah di-kehendaki memakai pakaian kebangsaan bagi lelaki dan bertudung kepala bagi perempuan dan kepada persatuan2 yang bergabung dengan MBB yang maseh belum menghantar nama2 peserta-nya ada-lah di-kehendaki menghantar-nya dengan sa-berapa segera.

Ada-lah di-fahamkan pada sebelah petang kongres itu berjalan para peserta di-jangka akan mengadakan majlis bertahil di-Makam Kubah Diraja sa-bagai penghormatan kepada Almarhumah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit.